



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Hilang RM230,000 sekelip mata
Publication/Portal: Kosmo
Date: 31 December 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 17

Pesara wanita kerugian wang simpanan angkara panggilan telefon Macau Scam **Hilang RM230,000 sekelip mata**

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

JOHOR BAHRU – Seorang pesara awam dari Segamat terpaksa berputih mata apabila wang simpanan miliknya sebanyak RM230,000 lesap gara-gara ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pihak berkuasa baru-baru ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd, (**gambar**) berkata, polis menerima laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat daripada seorang wanita berusia 60 tahun yang diperdaya selepas menerima panggilan telefon daripada individu yang kononnya pegawai dari Pos Malaysia Berhad.

"Pegawai terbabit kemudian memaklumkan bahawa mangsa mempunyai tunggakan hutang dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Mangsa juga diberitahu surat Perintah Penangkapan



dan Pembekuan Aset dari Mahkamah Persekutuan Putrajaya sudah dikeluarkan atas namanya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, seorang lelaki yang mendakwa sebagai anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah kemudian menghubungi wanita tersebut dan memberitahu dia terlibat dalam sindiket pengubahan wang haram.

Mangsa yang terpedaya

dengan muslihat sindiket itu telah bertindak memin-dahkan semua wang miliknya berjumlah kira-kira RM230,000 secara berperingkat ke akaun suspek atas arahan suspek.

"Siasatan sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebatan dan denda jika sabit kesalahan," jelasnya.

Tegas Mohd. Khalil, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berulang kali mengingatkan masyarakat agar tidak terpedaya dengan perangkap Macau Scam.

"Operasi Pematuhan Standard (SOP) PDRM sangat sistematik dan PDRM tidak mengamalkan tatacara sebagaimana yang diarahkan oleh sindiket tersebut.

"Dalam apa jua situasi pun masyarakat mestilah menghubungi mana-mana Balai Polis yang terdekat untuk semakan kesahihan," katanya.